

## SENI SOSIOLOGI DAKWAH DALAM UNDANG-UNDANG BERKAITAN ARAK DI MALAYSIA

Nik Suhaida Nik Abdul Majid\*

\* Program Da'wah dan Pengurusan Islam  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan  
Corresponding email: nik\_suhaida@usim.edu.my

### Abstrak

#### E-JITU

Acceptance date:  
29 January 2024

Valuation date:  
15 March 2024

Publication date:  
29 May 2024

*Seluruh dunia mengakui kesan buruk arak terhadap kesihatan dan pembangunan sosial. Walaubagaimanapun, kehendak sesetengah cara hidup dalam budaya bagi sekelompok masyarakat tidak dapat menghalang permintaan dan penawaran dalam pasaran ekonomi tempatan mahupun global. Maka atas sebab demikian, arak dikategorikan sebagai salah satu bahan terkawal. Dari perspektif Islam, arak bukan sahaja dilihat dari aspek kesihatan dan sosial malah yang lebih utama adalah pematuhan terhadap prinsip halal dan haram untuk kesejahteraan manusia. Islam juga mengiktiraf hak orang bukan Islam terhadap arak sesuai dengan kadarnya di bawah pemerintahan Islam. Realiti di Malaysia, sungguhpun Islam adalah agama rasmi persekutuan yang dilindungi di bawah perlembagaan bahkan Malaysia dikenali sebagai negara Umat Islam atau sesetengah pihak menamakan ianya sebagai Negara Islam, tetapi Malaysia menguguli pasaran saham arak di rantau Asia Tenggara ini. Kekuatan pasaran ekonomi arak di Malaysia telah menimbulkan polemik yang berterusan khususnya kepada umat Islam di Malaysia. Kesan dari respon masyarakat, maka terdapat kepelbagaian pemerkasaan dalam undang-undang kawalan arak di peringkat negeri-negeri dan juga persekutuan. Hal ini menarik untuk diperhatikan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru kajian ini mengaplikasi kaedah analisis kandungan melalui data sekunder untuk memenuhi objektif kajian yang ingin menganalisis undang-undang berkaitan arak dari perspektif seni sosiologi dakwah. Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang kawalan arak dalam konteks negara Malaysia melibatkan pelbagai pihak dari agensi kerajaan dengan bidang kuasa, peranan dan objektif masing-masing. Pendekatan kawalan yang digunakan dapat ditemakan kepada beberapa pendekatan seni dalam berdakwah dalam konteks mencegah kemungkaran (nahy munkar) dengan mengaplikasi kaedah sosiologi. Kesimpulannya, walaupun perkataan undang-undang secara zahirnya membawa refleksi disiplin, ketegasan dan sesuatu yang serius, namun dalam merangka dan melaksanakan undang-undang, ianya memerlukan sentuhan seni intelektual dan emosi melalui pemahaman terhadap ilmu kemasyarakatan iaitu sosiologi. Maka hal ini merupakan suatu bentuk aplikasi dakwah yang berhikmah.*

**Kata kunci:** Undang-Undang Kawalan Arak; Dakwah Mencegah Kemungkaran; Dakwah Berhikmah; Sosiologi Dakwah; Seni Dakwah

**THE ART OF SOCIOLOGY OF DA'WAH IN LIQUOR-RELATED LAWS IN MALAYSIA****Abstract**

*The world recognises liquor's adverse effects on health and social development. However, the preferences of certain lifestyles within a cultural group cannot deter demand and supply in both local and global economic markets. Therefore, liquor is categorised as a controlled substance. From an Islamic perspective, liquor is not only viewed in terms of health and social aspects but, more importantly, in compliance with the principles of halal and haram for human well-being. Islam also acknowledges the rights of non-Muslims regarding liquor under Islamic governance. In reality, despite Islam being the official religion protected by the constitution and Malaysia being recognised as a Muslim-majority country or, by some, as an Islamic State, it dominates the liquor market in the Southeast Asian region. The economic strength of the liquor market in Malaysia has sparked continuous controversy, particularly among Muslims in Malaysia. As a response to societal reactions, there is a diversity of enforcement in liquor control laws at the state and federal levels. This is noteworthy in the context of Malaysia's diverse society. Therefore, this study applies content analysis through secondary data to analyse liquor-related laws from the perspective of the sociology of preaching. The study found that liquor control laws in Malaysia involve various government agencies with their respective jurisdictions, roles, and objectives. The control approach can be related to various artistic approaches in preaching, specifically in preventing vice (nahy munkar) by applying sociological methods. In conclusion, although the term "law" seemingly conveys discipline, firmness, and seriousness, framing and implementing laws requires an intellectual and emotional artistic touch through an understanding of social sciences, namely sociology. Thus, this represents a wisdom application of preaching.*

**Keywords:** *Liquor Control Laws; Da'wah Forbidding Wrong; Wisdom of Da'wah; Sociology of Da'wah; Art of Preaching*

**PENGENALAN**

Seni dapat dirangkulkan maknanya sebagai sesuatu yang halus dan lembut yang terhasil dari ciptaan yang indah, kreatif dan berkemahiran. Sosiologi pula adalah satu cabang ilmu dalam kajian kemasyarakatan yang menitik beratkan soal paten tingkah laku dan proses sosialiasi. Manakala dakwah pula adalah satu seruan, ajakan dan panggilan ke arah mentaati perintah Allah. Gabungan intipati dari ketiga-tiga istilah ini membawa kepada pemahaman maksud seni sosiologi dakwah itu adalah kaedah seruan terhadap perintah Allah melalui prinsip Islam dalam memahami manusia dan kemanusiaan dengan sentuhan kemahiran yang sesuai dan bijaksana. Usaha dakwah memerlukan dua jenis kemahiran utama iaitu memahami tingkah laku masyarakat serta seni dalam mendekati masyarakat yang mempunyai kepelbagaian tingkah laku. Dakwah adalah tanggungjawab semua orang Islam yang mukallaf. Tanggungjawab ini perlu dilunaskan secara bijaksana dengan mengambil kira pelbagai aspek supaya seruan tauhid ini dapat diterima tanpa

paksaan dan kekerasan serta kekasaran. Dua cabang utama dalam seruan dakwah adalah mengajak kepada kebaikan (*amr bi al-ma'rūf*) dan mencegah kepada kemungkarannya (*nahy al-munkar*) sama ada kepada sasaran dakwah orang Islam mahupun kepada orang bukan Islam.

Dalam konteks isu arak (minuman keras, alkohol) sebagai bahan terkawal dan salah satu dari perkara haram di dalam ajaran Islam yang membawa kepada dosa besar dan mempunyai peruntukan dalam kategori hudud, cabang dakwah yang tepat dalam isu arak adalah mencegah kemungkarannya. Maka, mencegah kemungkarannya memerlukan kuasa yang dilindungi dibawah undang-undang supaya ianya dapat dipatuhi dan diseragamkan bagi mengawal tingkah laku masyarakat dalam skala yang besar. Undang-undang didefinisikan sebagai sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat berkenaan atau juga peraturan yang digunakan untuk sesuatu perbadanan (Kamus Dewan, 2010: 1768). Undang-Undang merupakan salah satu dari manifestasi pemahaman tingkah laku manusia yang pelbagai yang diperlukan sebagai indikator kawalan sosial serta perlu dilaksanakan dengan sentuhan seni intelektual dan emosi supaya undang-undang bukan hanya bersifat mencegah dan mengawal tetapi bahkan mendidik dan membimbing.

Kajian lepas berkaitan dakwah dan undang-undang serta kawalan arak secara spesifik telah ditemui dalam hasil kajian Nik Suhaida (2014) yang memfokuskan metode dakwah kepada orang bukan Islam di Negeri Kelantan berhubung pelaksanaan kawalan penjualan arak. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa medium undang-undang melibatkan ketegasan mengekalkan nilai ajaran Islam yang terkandung di dalamnya prinsip undang-undang Islam dan juga seni dakwah. Alias Azhar (2018) dan Mohamad Afandi et.al (2021) turut menyimpulkan pelaksanaan undang-undang khususnya undang-undang syariah adalah sebagai bentuk dakwah mencegah kemungkarannya dan ianya berfungsi sebagai penghalang kepada masyarakat terjebak dalam masalah sosial. Justeru kajian ini merangkumkan kesemua agensi kerajaan di peringkat persekutuan yang terlibat dalam undang-undang kawalan arak. Kajian ini menganalisa sumber dokumen melalui akta dan peraturan sebagai sumber dasar kepada undang-undang melalui bidang kuasa masing-masing bagi mengenalpasti elemen seni sosiologi dakwah yang terdapat dalam undang-undang tersebut berhubung isu arak di Malaysia.

#### **AGENSI KERAJAAN DAN UNDANG-UNDANG KAWALAN ARAK**

Perbincangan di bahagian ini memposisikan arak dalam tiga posisi utama yang bersesuaian dengan bidang kuasa agensi kerajaan yang terlibat. Pertama, arak dari posisi minuman dibincangkan melalui kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Kedua, arak dari posisi barang dagangan dibincangkan melalui kuasa Kastam Diraja Malaysia dibawah punca kuasa Kementerian Kewangan Malaysia. Serta yang ketiga, arak dari posisi moral dibincangkan melalui kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia serta Agensi Agama dan Jabatan Agama Islam Negeri. Perbincangan tersebut adalah seperti berikut;

**Kementerian Kesihatan Malaysia : Akta Makanan 1983**

Arak dalam posisi sebagai minuman dikawal di bawah Akta Makanan 1983 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Di bawah akta tersebut, terdapat Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang menerangkan secara terperinci tentang peraturan mengenai arak. Arak dalam akta ini menggunakan istilah minuman beralkohol. Alkohol itu sendiri ditakrifkan sebagai etil alkohol. Peraturan Makanan 1985 memerlukan beberapa peraturan untuk dipatuhi berhubung dengan alkohol.

Pertama, dalam pelabelan Bahagian IV, peraturan 11(d) terpakai apabila makanan mengandungi alkohol, pernyataan "mengandungi alkohol" mesti ditulis dalam huruf besar, fon tebal, aksara bukan serif dan tidak lebih kecil daripada 6 mata. Peraturan 18(4)(a) menekankan bahawa jika makanan itu tidak mengandungi alkohol tambahan, maka tidak ada keperluan untuk pelabelan. Manakala dalam Bahagian VI yang dibungkus untuk makanan, peraturan 32(1)(e) melarang menggunakan semula bungkusan itu untuk sebarang makanan selain daripada minuman beralkohol dan *shandy*, sebarang botol yang sebelum ini telah digunakan untuk minuman beralkohol atau *shandy*. Namun begitu, dalam Peraturan 33(a), minuman beralkohol atau *shandy* juga boleh menggunakan bungkusan yang boleh dikitar semula untuk produk yang serupa, dan bungkusan makanan lain boleh digunakan untuk minuman beralkohol atau *shandy* dan sebaliknya, seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 33A(1).

Kedua, dalam Bahagian VIII mengenai piawaian dan keperluan pelabelan khusus untuk makanan seperti Peraturan 348 mengenai minuman ringan yang tidak boleh mengandungi sebarang alkohol tambahan. Juga, dalam Peraturan 360(1), perkataan '*bir*', '*lager*', '*champagne*', atau '*wine*' atau apa-apa perkataan yang merujuk kepada produk minuman beralkohol tidak boleh muncul pada label minuman ringan kecuali *ginger beer*, *ginger ale*, dan *root beer*.

Ketiga, Peraturan 361 sehingga 387, secara khusus menjelaskan 27 jenis minuman beralkohol. Piawaian am minuman beralkohol telah menyenaraikan beberapa peraturan. Minuman beralkohol hendaklah merupakan minuman keras yang mengandungi lebih daripada 2% alkohol termasuk makanan yang diseragamkan dalam peraturan 362 hingga 384 dan 386 tetapi tidak termasuk *spirit* yang telah didenaturasi atau mana-mana minuman keras atau sebarang penyediaan yang mengandungi lebih daripada 2% alkohol di mana sifat perubatannya dituntut. Syarikat minuman mesti menyerlahkan kuantiti alkohol dengan memaparkan panel dalam label bungkusan, dalam huruf besar - huruf tebal dan aksara hendaklah tidak kurang daripada huruf bersaiz 12 mata, perkataan seperti berikut: "ARAK MENGANDUNGI \_\_\_\_\_% ALKOHOL" selain memasukkan perkataan "MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN".

Sebelum ini, umur sah untuk minum arak di Malaysia adalah pada umur lapan belas tahun dan ke atas, tetapi berkuat kuasa mulai 1 Disember 2017, umur sah untuk minum telah dinaikkan kepada dua puluh satu tahun (Peraturan Makanan (Pindaan), 2016, ms 9-15).

**Kastam Diraja Malaysia (Kementerian Kewangan Malaysia): Akta Kastam 1967 & Akta Eksais 1976**

Arak dari segi posisinya sebagai barang kawalan dalam perdagangan, dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah punca kuasa Kementerian Kewangan Malaysia di peringkat persekutuan. Arak merupakan salah satu daripada lima barangan yang dikenakan duti eksais melalui Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176).

Pihak Kastam telah mendefinisikan arak secara khusus kepada beberapa istilah. '*Intoxicating Liquors*' ditakrifkan sebagai 'apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus (2%) kandungan *proof spirit*, yang sesuai atau bertujuan untuk menjadi atau yang boleh dengan apa-apa cara ditukar untuk digunakan sebagai minuman (Akta Kastam 1967, 2006, hlm. 18). Manakala istilah '*beer*' digunakan merujuk kepada arak jenis *ale*, *stout*, *porter* dan semua minuman yang ditapai daripada *malt*. Bagi arak yang dihasilkan secara tradisional oleh masyarakat tempatan seperti di Sabah dan Sarawak untuk kegunaan sendiri dinamakan sebagai '*native liquor*' (Akta Eksais 1976, 2006, hlm. 11 & 14). Pengimport, pengilang tempatan dan peruncit mesti memohon lesen untuk menjual arak *liquors* dan *beer*. Pengilangan arak merujuk kepada aktiviti penyulingan, pembuatan bir, penapaian, pembotolan, penambahan apa-apa bahan selain air, pengkompaunan, penorehan dan pengetinan (Akta Eksais 1976, 2006, hlm. 14).

Bagi proses import, ianya merupakan salah satu sumber pendapatan negara dalam bentuk cukai tidak langsung melalui duti import dan duti eksais. Arak dari sumber import dan pengilangan tempatan bagi jenis *intoxicating liquors* dan *beers* boleh dijual di negara ini melalui peruntukan empat jenis lesen mengikut Seksyen 35 dalam (Akta Eksais 1976, 2006, hlm. 41). Pertama, lesen rumah awam iaitu penjualan arak secara runcit tetapi tidak termasuk todi untuk dimakan di premis atau di tempat ianya dijual. Kedua, lesen rumah bir iaitu penjualan secara runcit *beers* untuk dimakan di premis atau di tempat ianya dijual. Ketiga, lesen kedai runcit bagi jualan *intoxicating liquors* secara runcit tetapi tidak termasuk todi untuk dimakan di tempat lain atau di tempat ianya dijual. Keempat, lesen pengedar borong bagi penjualan secara keseluruhan *intoxicating liquors* tidak termasuk todi. Hukuman penjualan arak tanpa lesen ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit (Akta Eksais 1976, 2006, ms. 39-40).

Lembaga pelesenan daerah bertanggungjawab mengendalikan lesen untuk penjualan arak *intoxicating liquors* secara runcit dan borong. Mengikut peraturan eksais bagi penjualan arak *intoxicating liquors*, premis yang menjual perlu mengehendkan waktu perniagaan mereka dari jam 9.00 malam hingga 7.00 pagi (Jasri & Noryati, 2012, hlm. 220). Namun, pelaksanaan peraturan ini adalah berbeza bagi setiap negeri di Malaysia kerana ianya bergantung kepada prinsip dan peraturan setiap negeri dalam melaksanakan kawalan penjualan arak.

Menurut Seksyen 32, jualan runcit yang dikecualikan untuk lesen terdiri daripada (i) beer atau (ii) todi (dalam botol atau tin yang belum dibuka dan mempunyai pengedar yang betul) dan (iii) *native liquor* (bukan disuling). Pengecualian ini memerlukan kuantiti

yang dihantar kurang daripada dua puluh tujuh liter (27L). Menteri Kewangan juga mempunyai hak untuk membenarkan sesiapa sahaja menjualnya secara runcit. Manakala bagi lesen borong, ia tertakluk kepada Seksyen 33 dengan kuantiti melebihi dua puluh tujuh liter dalam satu hari dalam (Akta Eksais 1976, 2006, ms 39-40).

Pada tahun 1976, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan Akta Pembasmian Samsu Haram 1976 (Akta 165). ‘Samsu Haram’ ditakrifkan sebagai mana-mana minuman yang memabukkan yang telah dikeluarkan tanpa kebenaran dan minuman yang memabukkan itu termasuk apa-apa alkohol atau apa-apa cecair dalam sebarang perihalan yang mengandungi lebih daripada dua peratus *proof spirit* tetapi tidak termasuk mana-mana alkohol denaturasi yang diluluskan. Akta ini melarang mana-mana orang untuk terlibat dalam apa-apa tindakan yang berkaitan dengan samsu haram sama ada dalam pembuatan, perdagangan, memiliki, pemilik, nakhoda atau orang yang bertanggungjawab ke atas kapal atau pesawat yang disifatkan sebagai memperdagangkan samsu haram (Pembaharuan Undang-undang (Pembasmian Samsu Illicit) (AKTA 1976, 2006).

#### **Kementerian Pengangkutan Malaysia : Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987**

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia, menggunakan istilah ‘*intoxicating liquor*’. Dalam Peraturan 44, disebutkan bahawa mana-mana orang yang telah melebihi had alkohol dalam nafas, darah dan air kencingnya semasa memandu dan tidak mampu memandu dengan sewajarnya dan menyebabkan kematian atau kecederaan kepada mana-mana orang akan dihukum penjara tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan akan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit. Orang itu juga akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu untuk tempoh masa tidak kurang daripada lima tahun, tetapi bagi pemegang lesen memandu percubaan, mahkamah membatalkan lesen memandunya (Akta Pengangkutan Jalan 1987, ms. 65). -66).

Jika mana-mana orang di bawah pengaruh *intoxicating liquors* hanya menjaga kenderaan bermotor di jalan raya atau tempat awam tetapi tidak sihat untuk memandu dan tidak berupaya mengendalikan kenderaan itu dengan betul hendaklah juga didapati melakukan sebarang kesalahan dan akan dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit dan hendaklah dipenjarakan selama tidak lebih tiga bulan dan bagi sabitan seterusnya hukuman akan digandakan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 45 sedangkan Peraturan 45A telah menyatakan bahawa jika mana-mana orang yang memandu atau cuba memandu atau menjaga kenderaan bermotor dalam keadaan tahap alkohol melebihi had yang ditetapkan dalam nafasnya, darah dan air kencing akan didapati bersalah. Hukuman itu ialah denda, tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan. Peruntukan spesimen untuk analisis diperuntukkan dalam peraturan 45c, iaitu menyediakan dua spesimen nafas oleh penganalisis nafas dan spesimen darah dan air kencing untuk ujian makmal. Had alkohol yang ditetapkan untuk nafas ialah 35 mikrogram alkohol bagi 100 mililiter pernafasan, 80 miligram alkohol bagi 100 mililiter darah dan 107 miligram alkohol untuk 100 mililiter air kencing (Akta

Pengangkutan Jalan 1987, hlm. 65-66).

### **Peraturan Pegawai Awam (Jabatan Imigresen Malaysia)**

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam, Versi 1.0 (2022) tidak dinyatakan secara jelas bahawa pegawai awam tidak dibenarkan minum arak pada waktu bekerja dan di tempat kerja. Peruntukan hanya melibatkan larangan terlibat dengan dadah sahaja di dalam Ceraian Up.7.2.4 menyatakan bahawa pegawai awam dilarang daripada sebarang penyalahgunaan dadah. Pengkaji hanya menemui peraturan bertulis bagi pegawai di Jabatan Imigresen Malaysia. Berdasarkan kod etika mereka, Peraturan 13 telah menyatakan dengan jelas bahawa mereka dilarang memiliki, menjual atau mengedar dan meminum arak pada bila-bila masa (Jabatan Imigresen Malaysia, 2000).

### **Kementerian Dalam Negeri : Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984**

Akta 301, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 di bawah Kementerian Dalam Negeri, Peraturan 4.3 telah menyatakan tidak boleh mengiklankan minuman beralkohol (arak) dalam mana-mana penerbitan bahasa Melayu. Sebaliknya, iklan dalam bahasa lain dibenarkan tetapi tidak boleh dipaparkan di muka hadapan dan di halaman belakang (Garis Panduan Penerbitan Di Bawah Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 [Akta 301], 2017, hlm. 8) .

### **Kementerian Pendidikan Malaysia:**

Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 di bawah Kementerian Pendidikan adalah akta yang direka khas untuk disiplin pelajar. Dalam Peraturan 18 mengikut Bahagian II Tatatertib Am menyebut bahawa pelajar tidak boleh mengambil atau memiliki apa-apa minuman keras di bawah kepunyaan mereka atau mempunyai apa-apa minuman keras di dalam kampus. Mana-mana pelajar yang didapati dalam keadaan mabuk di dalam kampus akan didapati bersalah di bawah kesalahan tatatertib (Akta Institusi Pendidikan (Tatatertib) 1976, 2009, hlm. 45).

### **Agensi Agama : Undang-Undang Jenayah Syari'ah**

Berhubung kedudukan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia, maka di peringkat persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Jabatan Hab Halal mengendalikan isu-isu kepenggunaan umat Islam selain Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Arak ditakrif sebagai minuman terlarang yang tidak boleh digunakan sebagai minuman dan tidak boleh ditambah dalam makanan selaras dengan ajaran Islam tentang arak (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015, hlm. 170-175).

Di peringkat negeri, hal ehwal Islam dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam. Produk yang menggunakan nama yang sinonim dengan produk tidak halal seperti bir, rum, brew, dan seumpamanya tidak layak untuk memohon pensijilan halal daripada JAKIM (Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2, 2012, hlm. 14). Oleh itu, aktiviti yang berkaitan dengan arak yang diamalkan oleh umat Islam

di negara ini akan tertakluk kepada Undang-undang Jenayah Islam yang berfungsi di bawah Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Akta 559, Kesalahan Jenayah Syariah (Akta Wilayah Persekutuan) 1997 menjelaskan dalam Peraturan 19 di bawah tajuk 'minuman yang memabukkan' telah membahagikan kes tersebut kepada dua kesalahan.

Pertama, kesalahan mengambil minuman memabukkan sama ada di kedai atau tempat awam akan dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Kedua, kesalahan membuat jualan, tawaran atau eksibit untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya (Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) Akta 1997, 2006, hlm. 15).

Pentadbiran dan pelaksanaan enakmen jenayah syariah adalah berdasarkan setiap negeri di Malaysia kerana ia berada di bawah Majlis Agama Islam Negeri dan mereka mempunyai mahkamah syariah mereka. Berikutan penubuhan enakmen baru undang-undang jenayah syariah telah memberi kuasa kepada garis panduan umum hukuman penjara selama tiga tahun atau denda RM 5,000.00 atau kedua-duanya atau tidak lebih daripada enam kali sebat. (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997, hlm. 6-7; Hamid Jusoh, 2007, hlm. 47).

#### **ANALISIS SENI SOSIOLOGI DAKWAH DALAM UNDANG-UNDANG KAWALAN ARAK MELALUI BIDANG KUASA AGENSI KERAJAAN**

Melihat dari perspektif dakwah, undang-undang kawalan arak dapat dibahagikan kepada lima prinsip asas iaitu; agensi kerajaan yang mempunyai bidang kuasa sebagai *dā'i* (pelaksana usaha dakwah), masyarakat awam yang perlu akur kepada peruntukan undang-undang tersebut adalah *mad'u* (kumpulan sasaran dakwah), perbincangan mengenai kawalan arak itu sendiri adalah sebagai *maudu'* (isi kandungan utama dalam mesej dakwah), undang-undang yang diperkenalkan melalui akta, peraturan dan sebagainya melalui bidang kuasa agensi kerajaan adalah sebagai *wasāil* (medium penyampaian mesej dakwah) dan kaedah pelaksanaan kandungan undang-undang itu adalah *uslub* (gaya persembahan dalam menyampaikan mesej dakwah).

#### ***Dā'i* : Peranan Pihak Kerajaan Sebagai Pelaksana Dakwah**

Pelaksana usaha dakwah berhubung isu arak ini adalah agensi kerajaan yang diberi bidang kuasa melalui peruntukan undang-undang dalam bentuk akta dan peraturan-peraturan. Setiap agensi ini mempunyai kumpulan yang merancang, melaksana dan juga memantau. Setiap bidang kuasa dan peranan yang dimainkan merujuk kepada kumpulan sasaran yang berfokus. Dari aspek sosiologi, kesesuaian dan kredibiliti pelaksana dakwah adalah sangat bertepatan kerana setiap agensi yang terlibat mempunyai kemahiran yang terlatih dan memainkan peranan penting dalam skop tugas masing-masing. Pelaksana dakwah dalam konteks ini lebih tertumpu kepada peranan mencegah kemungkaran dan kemudaratan arak berdasarkan peraturan yang telah digariskan dalam undang-undang setiap agensi.



***Mad'u: Masyarakat yang Menerima Mesej Dakwah Berkaitan Arak***

Kumpulan sasaran dalam konteks perbincangan ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu golongan orang bukan Islam dan orang Islam. Rakyat Malaysia secara umum sama ada golongan bukan Islam mahupun orang Islam dalam status sebagai pelajar dibawah bidang kuasa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga penjawat awam khususnya di Jabatan Imigresen dipantau melalui bidang kuasa dari Jabatan Imigresen Malaysia.

***Mad'u Orang Bukan Islam***

Golongan orang bukan Islam berhubung hal ehwal arak ini terdiri dari dua kumpulan utama. Kumpulan pertama adakah terdiri daripada pengilang arak, perngimport arak dan penjual arak serta penghidang arak sama ada secara mikro, kecil mahupun makro. Aktiviti mereka secara langsung dipantau oleh agensi seperti Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri. *Mad'u* dari kategori ini adalah pemain industri yang menyumbang dalam pendapatan ekonomi arak. Mereka secara asasnya mempunyai pengaruh dan kekuatan sendiri dalam masyarakat. Justeru, pergerakan mereka perlu dikawal dengan ketegasan undang-undang melalui agensi yang berkaitan agar tidak melampaui batas dan kadar yang sepatutnya.

Manakala kumpulan kedua pula terdiri daripada golongan peminum dan pengguna arak. Mereka ini adalah secara asasnya orang awam yang diberikan hak untuk minum arak tetapi mereka juga dipantau melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia sekiranya terlibat di dalam pemanduan dengan pengaruh alkohol dan mana-mana perlakuan yang tidak bermoral dan melibatkan keganasan dan lain-lain gangguan sosial melalui peranan agensi yang berkaitan.

***Mad'u Orang Islam***

Golongan orang Islam pula secara khusus dalam konteks *mad'u* adalah mereka yang terlibat menjadi peminum arak. Mereka dipantau melalui Jabatan Agama Islam Negeri berdasarkan aduan orang ramai. Sekiranya tiada aduan, mereka adalah peminum bebas yang minum di kelab khas yang tertutup atau di rumah masing-masing. Secara duniawi mereka terlepas dari undang-undang sekiranya tidak minum secara terbuka, tidak mengakibatkan gangguan sosial serta tiada aduan dari orang awam lain. Walaubagaimanapun, sekiranya mereka dapat ditangkap oleh bahagian penguatkuasa Jabatan Agama Islam, mereka dikategorikan sebagai Orang Kena Tuduh (OKT) dan akan dibicarakan di Mahkamah Syari'ah dan akan melalui proses kaunseling sekiranya perlu atas pertimbangan pihak berkuasa. *Mad'u* dari kategori ini adalah mereka yang dari kategori jahil dan lalai maka memerlukan pendekatan yang seimbang dalam konteks dakwah islah dengan memahami latar belakang sosiologi mereka.

***Maudu' : Teks Perundangan***

Isi kandungan dakwah dalam konteks perbincangan ini adalah teks perundangan melalui akta dan peraturan yang telah dikhususkan untuk operasi setiap agensi yang

berkaitan. Secara asas, kesemua teks perundangan tersebut memenuhi keperluan sosiologi masyarakat di peringkat pemain industri, pengguna dan kehormatan kepada hak orang Islam yang mempunyai elemen kawalan, pencegahan, amaran dan undang-undang.

Sungguhpun begitu, masih terdapat ruang-ruang kelompongan yang perlu diperbaiki dan perlu ditambah baik dalam peruntukan undang-undang arak di Malaysia agar usaha dakwah mencegah kemudaratan dan kemungkaran arak ini dapat diperhebatkan lagi kerana faktanya arak mendatangkan mudarat kepada manusia dan haram untuk orang Islam. Justeru, antara kelemahan yang dikenalpasti dalam peruntukan undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

(i) Istilah yang diperuntukkan untuk arak tidak diselaraskan. Sebagai contoh istilah yang digunakan oleh pihak Kastam adalah liquor yang terhad maksudnya kepada arak yang mengandungi kadar spirit proof lebih dari 2% sahaja. Maka bagi kadar yang kurang daripada itu iaitu arak buatan sendiri secara kecil-kecilan (homemade) seperti tuak, toddy, samsu dan lain-lain boleh dijual secara bebas dan tiada peruntukan khas padanya. Sedangkan arak semuanya berisiko untuk membuatkan peminumnya menjadi mabuk. Manakala, di pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, istilah yang digunakan adalah minuman beralkohol. Alkohol sewajarnya dikhususkan kepada cecair kimia yang bersifat umum kerana arak sememangnya mengandungi alkohol tetapi alkohol tidak semestinya arak. Alkohol digunakan dalam industri yang lebih luas penggunaannya. Selain itu penggunaan minuman keras juga digunakan dalam istilah beberapa agensi kerajaan. Ini menunjukkan istilah untuk arak tidak diselaraskan di setiap agensi lalu menjadikan peruntukan undang-undang terhad dengan definisi istilah. (ii) Peruntukan yang longgar dari segi had umur minum arak, tempat jualan arak secara terbuka, waktu beroperasi, kawasan yang perlu mengambil kira komposisi penduduk Islam dan bukan Islam serta lokasi yang berhampiran dengan tempat ibadat dan sebagainya. (iii) Kuasa memberi hukuman yang agak lemah di agensi agama dan mahkamah syariah berbanding mahkamah sivil dan (iv) Undang-undang dan polisi terhadap pemandu mabuk yang kurang komprehensif dan efektif

#### ***Wasāil*: Medium Penyebaran Undang-Undang Arak**

Dari segi *wasāil*, mesej dakwah mencegah kemungkaran berhubung dengan arak ini menggunakan undang-undang (akta dan peraturan) dan elemen dakwah melalui tulisan (*da'wah bi al kitābah*) terserlah lebih jelas dalam syarat yang diperuntukkan dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang mewajibkan produk arak dilabel dengan paparan 'meminum arak boleh membahayakan kesihatan'. Selain itu, manifestasi dakwah melalui tulisan ini dizahirkan dengan tindakan penguatkuasaan melalui amaran dan peringatan, pemantauan, serbuan, tangkapan dan hukuman.

#### ***Uslūb*: Kaedah Seni Sosiologi Dakwah**

Melalui bidang kuasa agensi dan fokus golongan sasaran menunjukkan beberapa prinsip seni sosiologi dakwah telah diaplikasi iaitu memahami latar belakang agama, budaya dan cara hidup serta hak bagi golongan sasaran dakwah bukan Islam. Komposisi masyarakat majmuk di Malaysia dalam kalangan bukan Islam diraikan hak mereka dalam

isu berkaitan arak walaupun Islam agama rasmi yang melarang umat Islam dari sebarang aktiviti yang terkait dengan arak.

Manakala penguatkuasaan undang-undang kepada orang Islam melalui pantauan dari bahagian penguatkuasaan dari setiap jabatan agama Islam di setiap negeri juga bersesuaian dengan keperluan cara hidup orang Islam. Secara dasar, golongan bukan Islam sedar arak membahayakan kesihatan dan tahu bahawa orang Islam perlu menjauhkan diri dari arak. Manakala orang Islam juga mengetahui arak diharamkan kepada mereka, cuma budaya dan pengaruh pemikiran mereka yang menentukan perspektif mereka terhadap arak. Bagi golongan muslim yang agak 'liberal' minum arak adalah hak peribadi dan hanya Allah yang mampu menilai dan agensi penguatkuasa tidak layak menghukum mereka.

Dari aspek kaedah dakwah mencegah kemungkaran arak melalui undang-undang ini, ianya dilihat disampaikan secara terus (*direct*) dan berfakta melalui akta yang diperuntukkan secara bertulis melalui agensi yang berkaitan. Undang-undang ini dilihat lebih bersifat *tarhib* (ancaman dan penakutan) berbanding *targhib* (ransangan minat atau dorongan) iaitu mempunyai elemen kekerasan dan ketegasan yang betepatan dengan sifat undang-undang. Islam mengharuskan penggunaan kekerasan untuk meneruskan gerak kerja dakwah tetapi ianya harus diatur dengan bijak dan mengukur kekuatan yang ada supaya terhindar daripada bahaya. Walaupun undang-undang berkaitan arak ini bersifat kawalan tetapi istilah kawalan itu sendiri bermaksud tetap dibenarkan. Pendekatan *targhib* tetap terserlah kerana penjualan dan penggunaan arak tetap dibenarkan tetapi dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## **KESIMPULAN**

Seni sosiologi dakwah dalam undang-undang berkaitan kawalan arak di Malaysia dapat disimpulkan sebagai sentuhan seni memahami dan mengawal tingkah laku manusia sama ada dari kalangan golongan bukan Islam mahupun orang Islam melalui peraturan yang telah ditetapkan dan disesuaikan melalui agensi kerajaan yang telah diamanahkan menjalankan tanggungjawab merancang, melaksana dan memantau aktiviti mereka yang terkait dengan arak. Dapatan utama yang dikenalpasti dalam pelaksanaan undang-undang ini adalah terkandung prinsip dakwah yang dikenalpasti iaitu menghormati hak sesama manusia walaupun berbeza agama dan saling menghormati agama masing-masing serta Islam agama yang melindungi dan menyayangi. Prinsip ini merupakan seni dalam memahami dan menyantuni manusia yang dizahirkan dalam undang-undang yang diperuntukkan.

## **AKUAN PENULIS**

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini.

**RUJUKAN**

- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Alias Azhar. (2018). Integrasi Hisbah dan Dakwah dalam Prosedur Penguatkuasaan Undang-Undang Kesalahan Maksiat dan Jenayah Khalwat di Malaysia. Dalam *Syariah: Jurnal Hukum dan Pemikiran*, 18(1), 119-138. doi:<http://dx.doi.org/10.18592/sy.v18i1.2002>
- Estimates of Federal Government Revenue. (2018). *Estimates of Federal Government Revenue 2018*. Kuala Lumpur: Fiscal & Economics Division (FED) Ministry of Finance Malaysia.
- Federal Constitution. (2010). *Federal Constitution Reprint*. The Commissioner of Law Revision, Malaysia Retrieved from [http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/Federal%20Consti%20\(BI%20text\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/Federal%20Consti%20(BI%20text).pdf).
- Federal Constitution. (2017). *Federal Constitution As At 1st March 2017*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Garis Panduan Penerbitan Di Bawah Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 [Akta 301]. (2017). Ministry of Home Affairs Retrieved from [http://www.moha.gov.my/images/maklumat\\_bahagian/PQ/Garis\\_Panduan\\_Penerbitan\\_2017.pdf](http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/Garis_Panduan_Penerbitan_2017.pdf).
- Halal Hub Divison JAKIM. *Enzym in Food and Alcohol*. In J. K. I. Malaysia (Ed.): *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*.
- Hamid Jusoh. (2007). *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia*. In N. H. e. al. (Ed.), *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Jabatan Imigresen Malaysia*. (2000). *Kod Etika dan Tatakelakuan Jabatan Imigresen Malaysia*. Retrieved from [https://www.imi.gov.my/images/pdf/KOD\\_ETIKA\\_IMIGRESEN\\_v.2\\_-\\_06.11.2015%202.pdf](https://www.imi.gov.my/images/pdf/KOD_ETIKA_IMIGRESEN_v.2_-_06.11.2015%202.pdf).
- JAKIM. (2015). *Manual prosedur pensijilan halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Retrieved from <http://www.halal.gov.my/v4/images/pdf/MPPHM2014laters.pdf>.
- JAKIM. (2016). *Statistik Kesalahan Jenayah Syariah*.
- Laws of Malaysia Reprint Act 165 Law Reform (Eradication Of Illicit Samsu) Act 1976 Incorporating All Amendments Up To 1 January 2006, (2006).
- Laws of Malaysia Online Version of Updated Text of Reprint Act 333 Road Transport Act 1987 As at 1 February 2013.
- Laws of Malaysia Onlive Version of Updated Text of reprinted Act 174 Educational Institutions (Discipline) Act 1976, (2016).
- Laws of Malaysia Reprint Act 235 Customs Act 1967, (2006).
- Laws Of Malaysia Reprint Act 559 Syariah Criminal Offences (Federal Territories) Act 1997 Incorporating All Amendments Up To 1 January 2006, (2006).
- Laws of Malaysia Reprint Act 176 Excice Act 1976, (2006).
- Ministry of Defence. (1968). *Minutes of meeting on the feasibility study for the replacement of NAAFI*. (National Archives of Malaysia, Identifier Number : 2004/0029473W). Kuala Lumpur National Archives of Malaysia.

- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, Ikmal Hafiz Jamal, Muhammad Hasif Yahaya, & Muhd Najib Abdul Wakil. (2021, 26 June). Peranan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Gejala Sosial dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. Paper presented at the International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. (2011). Kenyataan media mengenai isu alkohol dalam makanan dan minuman pada 25 Julai 2011 [Press release]. Retrieved from [http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/kenyataan\\_media\\_mengenai\\_alkohol\\_0.pdf](http://www.e-fatwa.gov.my/sites/default/files/kenyataan_media_mengenai_alkohol_0.pdf)
- Nik Suhaida. (2014). Pelaksanaan kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan: Kajian dari aspek metode dakwah kepada orang bukan Islam. (Thesis Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2. (2012). Pelaksanaan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia A 2011 (Semakan Kedua). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Peraturan -Peraturan Makanan (Pindaan) 2016, (2016).
- Public Officer (Behavior And Discipline) Regulations 1993. Retrieved from <http://docs.jpa.gov.my/docs/pu/pua395.pdf>.